

Bil. S 6

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH BAYARAN KELUAR DAN BAYARAN MASUK, 2020

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang
2. Tiada pengurangan
3. Penganan Perintah
4. Tafsiran

BAHAGIAN 2

PENTADBIRAN

5. Tugas-tugas Pengawal

BAHAGIAN 3

BAYARAN KELUAR DAN BAYARAN MASUK

6. Bayaran keluar dan bayaran masuk
7. Kadar bayaran dan kaedah pembayaran
8. Pewujudan dan kehendak untuk menggunakan sistem transaksi elektronik
9. Pengembalian bayaran yang tersilap bayar
10. Bayaran hendaklah kena dibayar dengan tidak menghiraukan prosiding

BAHAGIAN 4
PENGUATKUASAAN

11. Kuasa penguatkuasaan
12. Kuasa untuk melarang masuk ke atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam

BAHAGIAN 5
AM

13. Maklumat palsu atau mengelirukan
14. Mengadang dll. pegawai kastam
15. Perlindungan daripada liabiliti diri
16. Komposisi kesalahan
17. Kuasa untuk mengetepikan bayaran
18. Bidang kuasa Mahkamah Majistret
19. Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat dan oleh ejen dan pekerja
20. Pindaan Jadual
21. Peraturan-peraturan
22. Pindaan berbangkit kepada S 32/2000

JADUAL 1 — ORANG ATAU GOLONGAN ORANG YANG TIDAK
DIKENAKAN PERINTAH INI.

JADUAL 2 — BAYARAN KELUAR DAN BAYARAN MASUK.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH BAYARAN KELUAR DAN BAYARAN MASUK, 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN 1
PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk, 2020 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan bayaran kepada orang-orang yang berniat hendak meninggalkan atau memasuki, atau meninggalkan dan memasuki Negara Brunei Darussalam, melalui darat dan bagi perkara-perkara yang berkenaan atau bersampingan dengannya".

Tiada pengurangan

2. Peruntukan-peruntukan Perintah ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan sebarang undang-undang bertulis lain yang berhubung dengan pengenaan bayaran selepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam.

Pengenaan Perintah

3. (1) Perintah ini dikenakan di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam.

(2) Perintah ini tidak dikenakan kepada orang atau golongan orang yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Tafsiran

4. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"bayaran" bermakna bayaran keluar dan bayaran masuk yang kena dibayar di bawah bab 6(1);

"Pengawal" bermakna Pengawal Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah bab 3(1) dari Perintah Kastam, 2006 (S 39/2006);

"pemandu" bermakna seseorang pemandu suatu kenderaan dan termasuk seseorang penunggang;

"borang transaksi elektronik" bermakna suatu borang pada sistem bagi tujuan menjalankan suatu transaksi dengan Pengawal;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan Perintah ini;

"pegawai kastam" mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya dalam bab 2(1) dari Perintah Kastam, 2006 (S 39/2006);

"pegawai kanan kastam" mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya dalam bab 2(1) dari Perintah Kastam, 2006 (S 39/2006);

"sistem" bermakna sistem transaksi elektronik yang diwujudkan oleh Pengawal di bawah bab 8(1);

"transaksi" bermakna, berhubung dengan sistem itu, apa-apa permohonan atau penyerahan yang dibuat kepada Pengawal;

"kenderaan" mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya dalam bab 2(1) dari Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggagal 68).

BAHAGIAN 2 PENTADBIRAN

Tugas-tugas Pengawal

5. (1) Pengawal Kastam dan Eksais hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran am Perintah ini dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan am atau khas dari Menteri.

(2) Tertakluk kepada arahan am dan pengawasan Pengawal, seseorang pegawai kanan kastam hendaklah mempunyai dan menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Pengawal oleh atau di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN 3

BAYARAN KELUAR DAN BAYARAN MASUK

Bayaran keluar dan bayaran masuk

6. (1) Bayaran keluar dan bayaran masuk hendaklah kena dibayar pada setiap kali mana-mana orang yang berniat hendak memasuki atau meninggalkan, atau memasuki atau meninggalkan, Negara Brunei Darussalam masing-masing melalui darat.

(2) Jika masuk ke atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam yang diniatkan itu, atau masuk ke atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam, dengan menggunakan suatu kenderaan, pemandu kenderaan itu adalah bertanggungjawab untuk membayar bayaran yang dikenakan ke atas penumpang-penumpang kenderaan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar ceraiian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan atau keduanya sekali.

Kadar bayaran dan kaedah pembayaran

7. (1) Bayaran hendaklah kena dibayar kepada Pengawal dan hendaklah menurut kadar yang dinyatakan dalam Jadual 2.

(2) Tertakluk kepada bab 8(7), pembayaran bagi bayaran yang dikenakan di bawah ceraiian (1) hendaklah dibuat dengan mana-mana kaedah pembayaran yang berikut —

(a) dengan mencajkan pembayaran kepada kad debit atau kad kredit pembayar;

(b) dengan pemindahan wang elektronik jika pembayaran itu dibuat dengan mengarahkan pemindahan wang secara elektronik daripada akaun bank pembayar kepada akaun bank yang ditetapkan oleh Pengawal;

(c) dengan mesin pungutan automatik.

(3) Tertakluk kepada bab 9, apa-apa wang yang dibayar kepada Pengawal menurut ceraiian (1) tidaklah boleh dibayar balik.

Pewujudan dan kehendak untuk menggunakan sistem transaksi elektronik

8. (1) Pengawal boleh mewujudkan suatu sistem transaksi elektronik bagi maksud-maksud Perintah ini —

(a) untuk membolehkan mana-mana orang menjalankan suatu transaksi dengan Pengawal;

(b) untuk membolehkan pemberian apa-apa maklumat atau penyerahan dokumen kepada Pengawal;

(c) untuk membolehkan Pengawal mengeluarkan apa-apa kebenaran atau dokumen lain.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam ceraiian (7) atau sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan selainnya oleh Pengawal, apa-apa transaksi dengan Pengawal di bawah Perintah ini hendaklah dijalankan dengan menggunakan sistem transaksi elektronik dalam borang transaksi elektronik yang disediakan bagi maksud itu.

(3) Seseorang boleh menjalankan suatu transaksi dengan Pengawal dengan menggunakan sistem itu bagi pihak orang lain.

(4) Jika apa-apa maklumat diberikan, atau apa-apa dokumen diserahkan, bagi pihak mana-mana orang di bawah ceraiian (3) —

(a) adalah dianggap telah diberikan atau diserahkan dengan kebenaran orang itu; dan

(b) orang itu adalah dianggap mengetahui semua perkara di dalamnya.

(5) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis lain, dalam mana-mana prosiding di bawah Perintah ini —

(a) suatu rekod elektronik mengenai apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan atau diserahkan melalui sistem itu; atau

(b) apa-apa salinan atau cetakan rekod elektronik itu,

boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan atau terkandung di dalamnya.

(6) Jika rekod elektronik mengenai apa-apa maklumat atau dokumen, atau salinan atau cetakan rekod elektronik itu, boleh diterima di bawah cerai (5), maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa rekod elektronik, salinan atau cetakan itu mengeluarkan semula isi kandungan maklumat atau dokumen itu.

(7) Jika suatu transaksi dengan Pengawal tidak dapat dijalankan dengan menggunakan sistem transaksi elektronik, orang yang hendak menjalankan transaksi itu hendaklah menjalankan transaksi itu dengan Pengawal dalam borang dan dengan cara lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.

(8) Pengawal boleh enggan memproses suatu transaksi jika orang yang hendak menjalankan transaksi itu —

(a) tidak mematuhi cerai (2) atau (7);

(b) setelah dikehendaki untuk melengkapkan suatu borang transaksi elektronik atau borang lain yang disediakan oleh Pengawal bagi maksud itu, gagal melengkapkan borang itu secara teratur menurut arahan yang terkandung dalam borang itu; atau

(c) setelah dikehendaki untuk melampirkan apa-apa dokumen kepada, atau memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki dalam, borang transaksi elektronik atau borang lain yang disediakan oleh Pengawal bagi maksud itu, gagal melampirkan dokumen atau memberikan maklumat itu, mengikut mana yang berkenaan.

(9) Bagi mengelakkan keraguan, suatu sebutan kepada keengganan untuk memproses suatu transaksi dengan Pengawal dalam cerai (8) termasuk, jika transaksi itu berhubung dengan penyerahan suatu dokumen kepada Pengawal, keengganan untuk menerima penyerahan dokumen itu.

Pengembalian bayaran yang tersilap bayar

9. Maka adalah sah bagi Pengawal, jika dibuktikan sehingga dia berpuas hati bahawa apa-apa wang yang telah tersilap bayar sebagai bayaran di bawah Perintah ini, untuk memerintahkan pembayaran balik wang yang tersilap bayar itu:

Dengan syarat bahawa tiada pembayaran balik boleh dibenarkan melainkan jika suatu tuntutan berkaitan dengannya dibuat dalam masa satu tahun selepas pembayaran yang tersilap itu dibuat.

Bayaran hendaklah kena dibayar dengan tidak menghiraukan prosiding

10. Pelaksanaan prosiding bagi apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini tidaklah boleh melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar apa-apa bayaran yang dia dikenakan atau boleh dikenakan.

BAHAGIAN 4 PENGUATKUASAAN

Kuasa penguatkuasaan

11. Bagi maksud-maksud Perintah ini, setiap pegawai kastam hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberikan di bawah Perintah Kastam, 2006 (S 39/2006), dan kuasa tersebut hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Perintah ini dan tidak mengurangkannya.

Kuasa untuk melarang masuk ke atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam

12. Jika seseorang telah melakukan atau dipercayai dengan munasabah oleh Pengawal atau seseorang pegawai kastam telah melakukan suatu kesalahan di bawah bab 6, Pengawal atau pegawai kastam itu boleh melarang orang itu daripada memasuki atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam.

BAHAGIAN 5 AM

Maklumat palsu atau mengelirukan

13. Mana-mana orang yang, setelah dikehendaki untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen di bawah Perintah ini —

(a) memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang palsu atau mengelirukan dalam butir material; dan

(b) mengetahui atau sepatutnya mengetahui dengan munasabah bahawa, atau tidak menghiraukan sama ada, ia adalah palsu atau mengelirukan dalam butir material,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengadang dll. pegawai kastam

14. Mana-mana orang yang mengadang, menghalang, menentang atau memperdaya mana-mana pegawai kastam dalam melaksanakan dan menyempurnakan kewajipannya atau apa-apa jua yang dia diberi kuasa atau dikehendaki untuk melakukan menurut atau di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$16,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 9 bulan atau kedua-duanya sekali.

Perlindungan daripada liabiliti diri

15. Tiada guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dibuat secara peribadi terhadap Pengawal, mana-mana pegawai kastam atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Pengawal yang dilakukan dengan suci hati atau diniatkan hendak dilakukan dalam melaksanakan atau dikatakan melaksanakan Perintah ini.

Komposisi kesalahan

16. (1) Pengawal atau mana-mana orang yang dibenarkan secara bertulis bagi maksud itu oleh Pengawal boleh mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Perintah ini dengan memungut dari orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi \$500.

(2) Selepas jumlah wang tersebut dibayar, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan itu.

Kuasa untuk mengetepikan bayaran

17. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mengetepikan bayaran yang kena dibayar di bawah Perintah ini.

Bidang kuasa Mahkamah Majistret

18. Dengan tidak menghiraukan peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain yang bertentangan, Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini dan untuk mengawardkan hukuman yang penuh bagi kesalahan tersebut.

Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat dan oleh ejen dan pekerja

19. (1) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh suatu badan korporat, suatu perkongsian atau suatu pertubuhan orang-orang tidak diperbadankan, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, pengurus, rakan kongsi, setiausaha atau pegawai lain yang serupa dengannya, atau yang dikatakan bertindak atas sifatnya yang demikian itu adalah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan —

(a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya; dan

(b) bahawa dia telah menjalankan segala daya usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankannya dengan mengambil kira jenis tugas-tugasnya atas sifat itu dan semua hal keadaan.

(2) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dilakukan oleh mana-mana orang yang bertindak sebagai ejen atau pekerja orang lain, atau selainnya tertakluk kepada pengawasan atau arahan orang lain bagi maksud sebarang pekerjaan yang dijalankan semasa kesalahan itu dilakukan, orang lain itu, tanpa menjejaskan liabiliti orang yang mula-mula disebutkan, adalah bertanggungjawab di bawah Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dengan cara yang sama dan takat yang sama seolah-olah dia sendiri telah melakukan kesalahan itu jika terbukti bahawa perbuatan yang menjadikan kesalahan itu dilakukan dengan persetujuan atau pembiarannya atau yang disebabkan oleh apa-apa kecuaiannya pada pihaknya.

Pindaan Jadual

20. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual-Jadual kepada Perintah ini.

Peraturan-peraturan

21. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau wajar untuk menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan perkara-perkara lain yang dikehendaki untuk atau yang mungkin ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

Pindaan berbangkit kepada S 32/2000

22. Perintah Lalulintas Jalan Raya (Pungutan Tol), 2000 adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual 2.

JADUAL 1

(bab-bab 3(2) dan 20)

**ORANG ATAU GOLONGAN ORANG YANG TIDAK DIKENAKAN
PERINTAH INI**

1. Penumpang-penumpang bagi kenderaan-kenderaan yang berikut —
 - (a) kenderaan yang dimiliki oleh Kerajaan atau kerajaan negara lain yang digunakan bagi tujuan rasmi;
 - (b) kenderaan yang dimiliki oleh angkatan tentera yang digunakan dan disenggarakan di bawah Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Penggagal 149);
 - (c) kenderaan yang digunakan bagi tujuan memadam kebakaran, ambulan atau polis;
 - (d) kenderaan yang digunakan bagi tujuan pengebumian.
2. Pegawai kerajaan dalam menjalankan kewajipan mereka.
3. Kanak-kanak yang berumur 2 tahun atau ke bawah.
4. Pegawai konsol dan kakitangan konsol sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perkara 1 dalam Jadual Pertama kepada Akta Perhubungan Konsol (Penggagal 118) dan ahli-ahli keluarga mereka.
5. Ejen diplomatik sebagaimana yang ditakrifkan dalam Jadual kepada Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Penggagal 117).
6. Mana-mana orang atau golongan orang sebagaimana yang mungkin dikecualikan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, dari peruntukan Perintah ini.

JADUAL 2
(bab-bab 7 dan 20)

BAYARAN KELUAR DAN BAYARAN MASUK

- | | |
|-------------------|-------------|
| 1. Bayaran keluar | \$3 seorang |
| 2. Bayaran masuk | \$3 seorang |

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 23 haribulan Jun, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**